

Rakyat Kelantan diseru kembali berbakti di negeri sendiri

UM 13 APR 2002
KOTA BHARU 12 April — Perdana Menteri Datlkk
Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyeru
rakyat Kelantan yang berada di luar negeri ini
supaya kembali berbakti di negeri sendiri.

Katanya, langkah itu bertujuan untuk membantu
negeri ini membentuk sebuah kerajaan yang berusa-
ha memajukan rakyat dalam segenap bidang.

“Kerajaan negeri seperti itu perlu diadakan
kerana selagi wujudnya kerajaan yang tidak bermi-
nat memajukan Kelantan atau tidak mempunyai ke-
bolehan, sudah tentu sukar bagi Kelantan mencapai
kejayaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis
Jamuan Bersama Rakyat sempena ulang tahun ke-
puteraan Sultan Kelantan yang ke-52 di Istana Ne-
geri Kubang Kerian dekat sini.

Dr. Mahathir berkata, walaupun semua pihak
mengetahui kebolehan yang dimiliki oleh rakyat
Kelantan termasuk beriya dalam perniagaan dan
menjawat jawatan tin&” dalam kerajaan, namun
negeri ini tidak dapat dimajukan setanding degean
negeri-negeri lain- di pantai barat Semenanjung
kerana ‘sebab-sebab tertentu’.

“Sudah banyak peruntukan yang telah diberikan
oleh Kerajaan Pusat untuk Negeri Kelantan...
sepatutnya Kelantan maju seperti negeri lain di
pantai barat. Malangnya kerana sebab tertentu
kemajuan Negeri Kelantan agak kurang berbanding
dengan kemajuan yang dicapai di negeri-negeri
sebelah pantai barat,” katanya.